



SOALAN LAZIM (FAQ)

FASA PERMOHONAN UPUONLINE® BAGI LEPASAN SPM DAN STPM/SETARAF SESI AKADEMIK 2026/2027

1. Bilakah tarikh permohonan bagi calon lepasan SPM dan STPM/Setaraf ?

Permohonan UPUOnline® bagi calon lepasan SPM hanya melibatkan satu (1) fasa, iaitu bermula pada 29 Januari 2026 hingga 12 April 2026 selama 74 hari.

Bagi calon lepasan STPM/Setaraf, permohonan UPUOnline® dibahagikan kepada dua (2) fasa, seperti berikut:

Fasa 1 (STPM/Setaraf) : 29 Januari 2026 hingga 23 Mac 2026 (54 hari)

Fasa 2 (STPM/Setaraf) : 13 April 2026 hingga 15 Mei 2026 (33 hari)

Sebarang perubahan berkaitan tarikh pembukaan permohonan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa. Calon disarankan untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai permohonan UPUOnline® melalui saluran rasmi berikut:

- 📱 TikTok : bkpaUPU
- 📱 Facebook : BKPA UPU
- 📱 Telegram : BKPAUPU
- 📱 Instagram : BKPAUPU
- 📱 YouTube : BKPAUPU
- 📱 Aplikasi : UPUPocket
- 📱 Laman rasmi : <https://upu.mohe.gov.my/>

2. Bagaimanakah cara untuk membeli nombor PIN UPU di Bank Simpanan Nasional (BSN)?

Pembelian nombor PIN UPU boleh dibuat di Bank Simpanan Nasional (BSN) pada:

28 Januari - 12 April 2026 (lepasan SPM)

28 Januari - 15 Mei 2026 (lepasan STPM/Setaraf)

Calon dibenarkan membeli dua (2) Nombor Pin bagi kategori permohonan iaitu lepasan SPM dan/atau lepasan STPM/Setaraf. Pembelian Nombor Pin UPU hanya melalui Ejen Pemungut BKPA JPT iaitu Bank Simpanan Nasional (BSN). Harga pembelian yang dikenakan adalah RM10.60 (termasuk caj perkhidmatan BSN RM 0.60).

Kaedah pembelian Nombor Pin UPU adalah melalui tiga (3) cara iaitu melalui:

- i) Perbankan Internet myBSN

- ii) Automatic Teller Machine (ATM) BSN
- iii) Kaunter cawangan BSN

3. Berapakah tempoh sah laku Nombor Pin UPUOnline® yang telah dibeli oleh calon ?

Tempoh sah laku Nombor Pin UPUOnline® adalah sepanjang tempoh pembukaan permohonan UPUOnline® sehingga tutup permohonan.

4. Apakah punca yang menyebabkan Nombor Pin UPUOnline® yang telah dibeli tidak dapat digunakan?

Calon boleh merujuk dengan pihak BSN berkenaan isu pembelian Nombor Pin UPUOnline®. Semasa membuat pembelian, calon perlu menggunakan kad pengenalan calon yang memohon dan memilih kategori lepasan yang betul.

5. Bagaimanakah cara/langkah untuk memohon melalui UPUOnline® bagi lepasan SPM dan STPM/Setaraf?

Sistem permohonan UPUOnline® dibuka untuk lepasan SPM yang ingin mengikuti ke program pengajian peringkat Sijil, Asasi, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda di Universiti Awam (UA), Politeknik, Kolej Komuniti, MARA PBT, serta lepasan STPM/Setaraf yang ingin mengikuti ke program pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda di UA.

Institusi di bawah UPUOnline® terdiri daripada:

- a) 20 Universiti Awam (UM, USM, UKM, UPM, UTM, UUM, UPSI, UMT, UMK, UPNM, UTeM, UniMAP, UTHM, UMPA, UniMAS, UIAM, USIM, UniSZA, UiTM dan UMS)
- b) 36 Politeknik
- c) 106 Kolej Komuniti
- d) 2 MARA BPT (Kolej Profesional MARA dan Kolej MARA)

Kaedah Permohonan UPUOnline® adalah secara online melalui Sistem Permohonan Kemasukan Pelajar UPUOnline® di laman sesawang <https://upu.mohe.gov.my/>

Calon perlu membuat pembelian Nombor Pin UPUOnline® terlebih dahulu supaya dapat membuat pendaftaran UPUOnline® tersebut.

Berikut merupakan langkah/cara untuk membuat permohonan UPUOnline®:

1. Layari pautan <https://online.mohe.gov.my/UPUOnlinev2/login>
2. Daftar Akaun bagi Pengguna Baru.
3. Pastikan kategori calon diisi dengan betul.
4. Isi maklumat yang diperlukan seperti maklumat peribadi, keluarga, akademik dan lain-lain.
5. Pilih pilihan program mengikut keutamaan.
6. Lengkapkan borang permohonan dan klik butang "simpan".
7. Cetak slip permohonan dan simpan slip permohonan sebagai bukti permohonan.

6. Bagaimanakah cara/langkah untuk pemohon membuat semakan berkaitan syarat am dan syarat khas program semasa permohonan UPU dibuka?

Sistem permohonan UPUOnline® dibuka untuk lepasan SPM yang ingin mengikuti program pengajian peringkat Sijil, Asasi, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda di Universiti Awam (UA), Politeknik, Kolej Komuniti, Mara Bahagian Pendidikan Tinggi (MARA BPT) serta lepasan STPM/Setaraf yang ingin

mengikuti ke program pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda di UA.

Untuk sebarang informasi atau maklumat berkaitan permohonan UPUOnline® sila rujuk Syarat am dan Syarat Khas program pengajian di e-Panduan UPUOnline® dan aplikasi UPUPocket untuk semakan syarat kelayakan permohonan pada pautan berikut: <https://online.mohe.gov.my/epanduan/>.

Berikut merupakan cara/langkah menggunakan e-Panduan UPUOnline® bagi mengetahui Syarat am dan Syarat Khas yang telah ditetapkan:

1. Layari <https://online.mohe.gov.my/epanduan/>
2. Klik 'Carian Program'
3. Isikan kolom 'Lepasan Calon' dan 'Kategori Calon', kemudian klik 'Cari'
4. Semua program pengajian di Universiti Awam akan dipaparkan mengikut kategori yang dipilih oleh calon.

7. Apakah kategori yang dibenarkan untuk membuat permohonan melalui sistem UPUOnline®?

Permohonan UPUOnline® terbuka kepada lepasan SPM dan lepasan STPM/Setaraf di bawah kategori seperti berikut:

Pelajar lepasan SPM yang layak memohon UPUOnline® terbuka kepada dua(2) kategori iaitu:

Kategori A : Tahun Semasa : SPM 2025

Kategori B : Bukan Tahun Semasa: SPM 2024 dan 2023

1) STPM Tahun Semasa

Kategori A : Aliran Sastera

Kategori S : Aliran Sains

2) MATRIKULASI/ASASI

Kategori N : Aliran Sains/ Sains Komputer (Matrikulasi KPM), Asasi Sains UM, ASASIPintar UKM, Sains Komputer dan Asasi UiTM

Kategori P : Aliran Perakaunan calon Matrikulasi KPM

Kategori U : Aliran Undang-Undang calon Asasi UiTM

Kategori K : Aliran Kejuruteraan calon Asasi UiTM

Kategori L : Aliran Bahasa Inggeris calon Asasi UiTM (TESL)

Kategori J : Aliran Kejuruteraan calon Matrikulasi KPM

Kategori M : Aliran Asasi Sains Sosial UM

Kategori V : Aliran Asasi TVET Politeknik

3) STAM Tahun semasa & tahun sebelum

Kategori T

4) Diploma /Setaraf

E1 : DKM / DLKM

E2 : Diploma Vokasional Malaysia (DVM)

E3 : Diploma Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS)/ Luar Negara/ Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA)/ Asasi UA (Saluran Komersial) / Lain-Lain Kelayakan

F1 : A-LEVEL

F2 : International Baccalaureate Diploma (IBD)

F3 : Sekolah Sukan
F4 : STPM Bukan Tahun Semasa
F5 : Matrikulasi / Asasi Bukan Tahun Semasa
F6 : STAM Bukan Tahun Semasa
F7 : AUSMAT / SAM / CPU
F8 : Foundation IPTS
G1 : Diploma UA
G2 : Diploma Politeknik / Kolej Komuniti

Jika kategori calon tersenarai, maka calon boleh kemukakan permohonan UPUOnline®.

8. Berapakah jumlah pilihan program yang boleh dilengkapkan oleh calon lepasan SPM dan lepasan STPM/Setaraf

Pada permohonan UPUOnline®, calon **WAJIB (*)** mengisi Enam (6) pilihan program mengikut keutamaan. Kegagalan melengkapkan ruang yang wajib diisi akan menyebabkan permohonan tidak berjaya diteruskan/dihantar

Bagi pengisian pilihan program pengajian, kedudukan pilihan pertama (1) sehingga pilihan empat (4) adalah khusus untuk pilihan program bertemu duga dengan kriteria seperti berikut:

- a) Pilihan 1-2 untuk program bertemu duga dan/atau ujian dengan pendidikan
- b) Pilihan 3-4 untuk program bertemu duga dan/atau ujian bukan pendidikan

Berikut adalah kriteria pilihan program pengajian dalam sistem UPUOnline®:

Lepasan SPM

- Bilangan pilihan sebanyak dua belas (12) pilihan
- Wajib isi semua enam (6) pilihan
- Pengemaskinian pilihan program pengajian dibenarkan mengikut tempoh kemaskini permohonan UPUOnline®
- Perlu berbeza antara 12 pilihan.

Lepasan STPM, Matrikulasi, Asasi dan STAM

- Bilangan pilihan sebanyak dua belas (12) pilihan
- Wajib isi semua enam (6) pilihan
- Pengemaskinian pilihan program pengajian dibenarkan mengikut tempoh kemaskini permohonan UPUOnline®
- Perlu berbeza antara 12 pilihan.

Lepasan Diploma/Setaraf

- Bilangan pilihan sebanyak lapan (8) pilihan
- Wajib isi semua enam (6) pilihan
- Perlu berbeza antara 8 pilihan.
- Pada fasa pengemaskinian calon hanya dibenarkan untuk memuat naik dokumen dan kemaskini keputusan akademik sahaja.

9. Dimanakah platform untuk menyemak syarat program?

Setiap program pengajian yang ditawarkan di UPUOnline® mempunyai Syarat am dan syarat Khas yang berbeza. Calon boleh menyemak Syarat am dan syarat khas program menggunakan e-Panduan UPUOnline® pada pautan <https://online.mohe.gov.my/epanduan/>.

Semakan syarat-syarat tersebut juga boleh dibuat menerusi aplikasi UPUPocket menggunakan langkah-langkah berikut:

UPUPocket

1. Pilih 'e-Panduan'
2. Pilih kategori sama ada lepasan SPM atau Lepasannya STPM/Setaraf
3. Klik pada kategori lepasan yang ingin dipilih
4. Pilih jenis IPTA & pilih aliran (bagi lepasan STPM/Setaraf sahaja)

10. Apakah perbezaan antara lepasan SPM (tahun semasa) dengan lepasan SPM (bukan tahun semasa)?

Permohonan UPUOnline® bagi calon SPM terdiri daripada kategori seperti berikut:

Kategori A - Tahun Semasa : SPM 2025

Kategori B - Bukan Tahun Semasa: SPM 2024 dan 2023

Perbezaan antara kategori ini adalah dari aspek jumlah penawaran program.

11. Sekiranya pemohon bukan lepasan SPM (tahun semasa), adakah pemohon masih layak untuk memohon kemasukan melalui sistem UPUOnline®?

Pelajar lepasan SPM yang layak memohon UPUOnline® terbuka kepada dua(2) kategori iaitu:

Kategori A - Tahun Semasa : SPM 2025

Kategori B - Bukan Tahun Semasa: SPM 2024 dan 2023

Bagi pemohon yang tidak memenuhi kategori yang ditetapkan dan ingin melanjutkan pengajian ke Universiti Awam (UA), Politeknik, dan Kolej Komuniti (KK) boleh mengemukakan permohonan terus kepada pihak institusi berkenaan.

Pihak BKPA akan membuat padanan data keputusan sebenar dengan pihak Lembaga Peperiksaan (LP) bagi data keputusan sebenar SPM semasa fasa kemaskini. Calon dinasihatkan mengemaskini pilihan program berdasarkan tapisan syarat yang telah dilaksanakan oleh BKPA.

12. Adakah keputusan peperiksaan SPM Ulangan (SPMU) diambil kira dalam permohonan UPUOnline® bagi lepasan SPM?

Bagi permohonan UPUOnline® untuk lepasan SPM, UPU hanya mengambil kira keputusan SPM penuh sahaja dan keputusan peperiksaan SPM ULANGAN tidak diambil kira. SPM Ulangan (SPMU) hanya boleh digunapakai semasa permohonan kemasukan ke Ijazah Sarjana Muda di bawah kategori STPM/Setaraf sahaja.

Pelajar lepasan SPM yang layak memohon UPUOnline® terbuka kepada dua(2) kategori iaitu:

Kategori A - Tahun Semasa : SPM 2025

Kategori B - Bukan Tahun Semasa: SPM 2024 dan 2023

13. Bagaimanakah cara mengemukakan permohonan UPUOnline® menggunakan keputusan percubaan SPM?

Bagi calon lepasan SPM (tahun semasa) yang ingin mengemukakan permohonan UPUOnline®, Pihak BKPA akan membuat padanan data keputusan sebenar dengan pihak Lembaga Peperiksaan (LP) bagi mendapatkan data keputusan SPM calon.

14. Bagaimana cara kiraan merit bagi lepasan SPM ?

Calon perlu mengenal pasti jenis aliran sebelum membuat pengiraan di kalkulator merit yang telah disediakan di aplikasi UPUPocket dan e-Panduan UPUOnline®.

Pengiraan markah merit dalam sistem permohonan UPUOnline® bagi lepasan SPM kategori A dan lepasan SPM kategori B adalah seperti berikut:

- i. 40 markah bagi 4 mata pelajaran Universal
- ii. 30 markah bagi mata pelajaran pakej iaitu;
 - 2 mata pelajaran pakej STEM A/STEM B/KSI; atau
 - 1 mata pelajaran pakej STEM C
- iii. 10 markah bagi 2 mata pelajaran terbaik yang lain.
- iv. Jumlah daripada markah di atas perlu didarabkan dengan 90%
- v. 10 markah kokurikulum.

Contoh pengiraan seperti berikut:

$[(40\% + 30\% + 10\%)/80\% \times 90\%] + 10\% = 100\%$ Pengiraan markah merit boleh dikira melalui aplikasi UPUPocket dan e-Panduan UPU.

Berikut adalah langkah-langkah cara penggunaan kalkulator merit:

1. Log masuk <https://online.mohe.gov.my/epanduan/kalkulatorMerit/spm>
2. Pilih 'kalkulator merit'
3. Pilih kategori
4. Pilih jenis aliran
5. Isi maklumat
6. Keputusan markah

15. Adakah lepasan SKM dan SVM layak memohon kemasukan melalui UPUOnline®?

UPUOnline® hanya menerima calon dari kategori SPM dan STPM/Setaraf sahaja. Calon lepasan SKM dan SVM perlu menyambung pengajian ke peringkat Diploma di Kolej Komuniti, Politeknik atau Institusi yang menawarkan program peringkat Diploma yang diiktiraf oleh MQA melalui ambilan institusi sendiri terlebih dahulu bagi melayakkan diri memohon UPUOnline® di bawah kategori Diploma/setaraf iaitu:

Kategori E: Kelayakan Setaraf

E1 : DKM / DLKM

E2 : DIPLOMA VOKASIONAL MALAYSIA (DVM)

Kategori G : Kelayakan Setaraf

G2: Diploma Politeknik/Kolej Komuniti

Calon juga boleh membuat permohonan terus ke IPTA sekiranya tawaran pengambilan dibuka daripada institusi itu sendiri.

16. Apakah yang dimaksudkan dengan program perintis (FEEDER) dalam UPUOnline®?

Program perintis (feeder) adalah program yang ditawarkan di UPUOnline® di peringkat Asasi, calon yang menerima program Asasi berstatus perintis (feeder) perlu melengkapkan pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda di Universiti Awam yang sama. Tanda paparan program perintis di UPUOnline®, diletakkan di hujung nama program pengajian yang ditawarkan.

17. Apakah asasi yang ditawarkan di Universiti awam?

Program Asasi merupakan salah satu program yang ditawarkan oleh Universiti Awam (UA) menerusi sistem UPUOnline® bagi lepasan SPM tahun semasa. Untuk sebarang informasi berkaitan permohonan UPUOnline® sila rujuk Syarat am dan Syarat Khas program pengajian di e-Panduan UPUOnline® dan aplikasi UPUPocket untuk semakan syarat kelayakan permohonan pada pautan berikut:

<https://online.mohe.gov.my/epanduan/>

Berikut adalah senarai program pengajian asasi di Universiti Awam yang ditawarkan di Universiti Awam dan Politeknik.

i) Program berikut adalah dikhaskan kepada calon berketurunan Melayu, Anak Negeri Sabah, Anak Negeri Sarawak dan Orang Asli sahaja:

- a) Asasi Sains UM;
- b) Asasi UIAM;
- c) Asasi UMS;
- d) Asasi UNIMAS;
- e) Asasi UniSZA;
- f) Asasi UiTM;
- g) Asasi Sains Sosial UM

ii) Program pengajian yang terbuka kepada semua calon yang berkelayakan:

- a) Asasi Pengajian Islam UM;
- b) Asasi Pengajian Islam dan Sains UM;
- c) Asasi UKM;
- d) Asasi UPM;
- e) Asasi UUM;
- f) Tamhidi USIM;
- g) Asasi UMT;
- h) Asasi UMK;
- i) Asasi UPNM;
- j) Asasi TVET Politeknik;

18. Bagaimanakah sekiranya calon tidak melepasi merit yang ditetapkan?

Bagi calon yang tidak melepasi markah purata merit yang ditetapkan oleh program pengajian tersebut, kadar kejayaan calon adalah lebih rendah kerana UPUOnline® menerima jumlah permohonan yang tinggi dan persaingan calon adalah berdasarkan prinsip meritokrasi.

Dasar pemilihan calon adalah berasaskan prinsip meritokrasi dengan menggunakan 90% Markah Akademik dan 10% Markah Kokurikulum. Senarai merit calon disusun mengikut markah tertinggi hingga terendah. Proses pemilihan dan penawaran dilaksanakan secara telus dan tiada apa-apa keutamaan diberikan kepada mana-mana pihak dan kejayaan mendapat tempat bergantung kepada memenuhi Syarat am dan Syarat Khas program pengajian, perakuan temu duga dan/atau ujian bagi yang memerlukan syarat berkenaan, kekosongan tempat dan keutamaan pilihan.

Purata markah merit bagi setiap program pengajian di IPTA dan MARA BPT adalah berbeza. Calon boleh melayari pautan e-Panduan UPUOnline® untuk mendapatkan info yang lebih terperinci mengenai program yang ditawarkan berdasarkan markah merit yang diperolehi.

Berikut merupakan cara/langkah menggunakan e-Panduan UPUOnline®:

1. Layari <https://online.mohe.gov.my/epanduan/>
2. Klik 'Carian Program'
3. Isikan kolom 'Lepasan Calon' dan 'Kategori Calon', kemudian klik 'Cari'
4. Semua program pengajian di Universiti Awam akan dipaparkan mengikut kategori yang dipilih oleh calon.

19. Apakah kriteria calon yang layak untuk membuat permohonan kemasukan melalui sistem UPUOnline®?

Sistem permohonan UPUOnline® bagi lepasan SPM, STPM/Setaraf hanya terbuka kepada Warganegara Malaysia yang mempunyai No. Kad Pengenalan/ MyKad sahaja.

20. Adakah pelajar institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) dibenarkan untuk memohon institusi pendidikan tinggi awam (IPTA)?

Permohonan UPUOnline® terbuka kepada lepasan STPM/Setaraf di bawah kategori seperti berikut:

1) STPM Tahun Semasa

Kategori A : Aliran Sastera

Kategori S : Aliran Sains

2) MATRIKULASI/ASASI

Kategori N : Aliran Sains calon Matrikulasi KPM, Asasi Sains UM, ASASIPintar UKM dan Asasi UiTM

Kategori P : Aliran Perakaunan calon Matrikulasi KPM

Kategori U : Aliran Undang-Undang calon Asasi UiTM

Kategori K : Aliran Kejuruteraan calon Asasi UiTM

Kategori L : Aliran Bahasa Inggeris calon Asasi UiTM (TESL)

Kategori J : Aliran Kejuruteraan calon Matrikulasi KPM

Kategori M : Aliran Asasi Sains Sosial UM
Kategori V : Aliran Asasi TVET Politeknik

3) STAM Tahun semasa & tahun sebelum

Kategori T

4) Diploma /Setaraf

E1 : DKM / DLKM

E2 : Diploma Vokasional Malaysia (DVM)

E3 : Diploma Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS)/ Luar Negara/ Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA)/ Asasi UA (Saluran Komersial) / Lain-Lain Kelayakan

F1 : A-LEVEL

F2 : International Baccalaureate (IB)

F3 : Sekolah Sukan

F4 : STPM (Bukan Tahun Semasa)

F5 : Matrikulasi / Asasi (Bukan Tahun Semasa)

F6 : STAM (Bukan Tahun Semasa)

F7 : AUSMAT / SAM / CPU

F8 : Foundation IPTS

G1 : Diploma UA

G2 : Diploma Politeknik / Kolej Komuniti

Jika kategori calon tersenarai, maka calon boleh kemukakan permohonan UPUOnline®.

21. Bagaimanakah cara mohon Malaysia Technical University Network (MTUN)?

Sistem permohonan UPUOnline® dibuka untuk lepasan SPM yang ingin mengikuti ke program pengajian peringkat Sijil, Asasi, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda di Universiti Awam (UA), Politeknik, Kolej Komuniti serta lepasan STPM/Setaraf yang ingin mengikuti ke program pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda di UA.

Institusi di bawah UPUOnline® terdiri daripada:

a) 20 Universiti Awam (UM, USM, UKM, UPM, UTM, UUM, UPSI, UMT, UMK, UPNM, UTeM, UniMAP, UTHM, UMPSA, UniMAS, UIAM, USIM, UniSZA, UiTM dan UMS)

b) 36 Politeknik

c) 106 Kolej Komuniti

d) 2 MARA BPT (Kolej Profesional MARA dan Kolej MARA)

Bagi kemasukan ke Universiti Awam Kementerian Pendidikan Malaysia telah meletakkan pecahan kluster Universiti seperti berikut :

Universiti Penyelidikan

- Universiti Malaya (UM)
- Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Universiti Putra Malaysia (UPM)
- Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

Universiti Berfokus

- Universiti Utara Malaysia (UUM)
- Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
- Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
- Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
- Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)

Universiti Teknikal (MTUN)

- Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
- Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
- Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)
- Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

Universiti Komprehensif

- Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
- Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
- Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA)
- Universiti Teknologi Mara (UITM)
- Universiti Malaysia Sabah (UMS)
- Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Jika calon berhasrat untuk menyambung ke Institusi/Universiti selain daripada senarai di atas, calon boleh membuat permohonan terus ke Institusi/Universiti tersebut dan bukan melalui permohonan UPUOnline®.

22. Adakah wajib untuk mencetak slip permohonan?

Calon tidak diwajibkan untuk mencetak slip permohonan, namun calon dinasihati untuk memuat turun dan simpan slip permohonan sebagai bukti permohonan telah dibuat.

Hal ini kerana, cetakan slip permohonan hanya boleh dijana semasa fasa permohonan, fasa kemaskini dan fasa rayuan sahaja.

23. Kenapa pilihan program UiTM dan Asasi sains UM tidak dipaparkan di dalam permohonan UPUOnline®?

Setiap program pengajian yang ditawarkan di IPTA dan MARA BPT mempunyai syarat am dan khas program tersendiri dan calon yang memohon program tersebut WAJIB memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Institusi/Agensi terbabit bagi melayakkan diri calon memohon program pengajian yang ditawarkan.

Semakan syarat program yang mempunyai kriteria syarat khas penawaran program melibatkan status program hanya terbuka kepada yang berketurunan Melayu, anak negeri Sabah, anak negeri Sarawak dan Orang Asli boleh disemak di e-Panduan UPUOnline dan UPUPocket.

Calon boleh melayari pautan e-Panduan UPUOnline® untuk mendapatkan info yang lebih terperinci

mengenai program yang ditawarkan. Berikut merupakan cara/langkah menggunakan e-Panduan UPUOnline:

1. Layari <https://online.mohe.gov.my/epanduan/>
2. Klik 'Carian Program'
3. Isikan kolum 'Lepasan Calon' dan 'Kategori Calon', kemudian klik 'Cari'
4. Semua program pengajian di Universiti Awam akan dipaparkan mengikut kategori yang dipilih oleh calon.

24. Sekiranya calon telah menghantar permohonan, adakah calon masih dibenarkan untuk mengemas kini pilihan program?

Calon masih dibenarkan untuk mengemas kini pilihan program dalam permohonan sebelum tarikh tutup permohonan. Calon hendaklah membuat penghantaran semula permohonan yang telah dikemas kini melalui sistem UPUOnline® bagi memastikan pindaan tersebut direkodkan.

25. Bagaimanakah cara untuk menyemak Trend permohonan dan tawaran UPUOnline®?

Trend permohonan UPUOnline boleh disemak melalui:

1. Log masuk permohonan UPUOnline
2. Klik trend permohonan dan tawaran di paparan "dashboard".
3. Pilih kategori, institusi, program, aliran, kumpulan, jantina dan klik cari.
4. Trend permohonan program pengajian akan dipaparkan mengikut kategori yang dipilih oleh calon.

26. Apakah yang perlu dilakukan oleh calon lepasan STPM/Setaraf berkaitan dokumen tidak lengkap atau diperoleh selepas tarikh tutup permohonan UPUOnline®?

Calon lepasan STPM/Setaraf WAJIB memuat naik dokumen setelah mengemukakan permohonan. Bagi dokumen yang tidak lengkap semasa permohonan Fasa 1, calon boleh memuat naik dokumen tersebut pada permohonan Fasa 2 dan Fasa Pengemaskinian. Tarikh Fasa Pengemaskinian akan dimaklumkan di sosial media UPUOnline®. Sekiranya dokumen yang lengkap diperolehi selepas tarikh Fasa Pengemaskinian ditutup, calon boleh dipertimbangkan bagi tujuan Permohonan Rayuan UPUOnline®.

Kegagalan calon memuat naik dokumen yang diperlukan akan menyebabkan calon tidak dapat dipertimbangkan kemasukan ke Universiti Awam (UA).

Dokumen yang perlu dimuat naik adalah seperti berikut:

1. Sijil SPM
2. Transkrip SVM(jika berkaitan)
3. Sijil MUET
4. Transkrip Penuh / Semester
5. Diploma / Pengesahan Tamat
6. Keputusan Bahasa Melayu SPM Julai (jika berkaitan)
7. Keputusan Matematik SPM Julai (jika berkaitan)
8. Keputusan Sejarah SPM Julai (jika berkaitan)
9. Cetakan Akreditasi MQA
10. Surat Pengesahan Majikan (jika berkaitan)

Calon perlu menghantar salinan dalam format PDF dengan saiz tidak melebihi 1MB sahaja. Calon

dikehendaki memampatkan (compress) dokumen agar dapat dihantar melalui ruangan memuat naik yang disediakan. Dokumen yang dimuat naik mestilah jelas, lengkap, dan tepat.

27. Adakah calon perlu mendapatkan cop pengesahan bagi semua dokumen yang perlu dimuat naik dalam permohonan UPUOnline®?

Calon perlu menghantar salinan dalam format PDF dengan saiz tidak melebihi 1MB sahaja. Calon dikehendaki memampatkan (compress) dokumen agar dapat dihantar melalui ruangan memuat naik yang disediakan. Dokumen yang dimuat naik mestilah jelas, lengkap, dan tepat. Calon tidak perlu mendapat cop pengesahan hanya salinan sahaja diperlukan.

28. Adakah lepasan Diploma Vokasional perlu menduduki Malaysian University English Test (MUET) bagi kemasukan ke Malaysia Technical University Network (MTUN)?

Calon lepasan Diploma Vokasional Malaysia (DVM), Diploma Politeknik dan Kolej Komuniti diberi pengecualian daripada syarat MUET sebagai syarat am permohonan kemasukan ke universiti di bawah Malaysia Technical University Network (MTUN), iaitu UniMAP, UMPsa, UTHM dan UTeM. Permohonan calon masih akan dipertimbangkan dan diproses oleh pihak universiti.

29. Apakah maksud kod NEC dalam sesuatu program?

Kod Pendidikan Nasional (NEC) adalah satu platform bagi sistem pengekodan bidang pendidikan dan latihan pendidikan yang akan membantu mengesan, membuat penilaian dan pelaporan bidang pengajian dan latihan serta pendaftaran program di Malaysia dengan tepat. NEC dibangunkan bertujuan untuk menyeragamkan penggunaan kod pendidikan dan latihan di antara kementerian dan agensi yang terlibat dengan pendidikan dan latihan di Malaysia. NEC akan menjadi panduan dan rujukan di dalam pengelasan program pengajian di Malaysia selaras dengan pengelasan yang diguna pakai di peringkat antarabangsa iaitu International Standard Classification of Education. Ini merangkumi semua program pendidikan seperti pendidikan awal dan berterusan, pendidikan umum dan latihan teknikal & vokasional.

30. Adakah sistem UPUOnline® menyediakan laluan khas bagi empat kumpulan sasar, iaitu golongan B40, Orang Asli, atlet dan Orang Kurang Upaya (OKU)?

Laluan Khas UPUOnline terdiri daripada 4 kategori kumpulan sasar iaitu :

1. KATEGORI B40

- Berdaftar dengan eKasih (Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri.
- Penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN).

2. KATEGORI ORANG ASLI

- Berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sebagai kaum Orang Asli.

3. KATEGORI ATLET

- Berdaftar dengan BSKK, KPM atau BPS, KPT.
- Penyertaan sukan sekurang-kurangnya mewakili negeri ke peringkat kebangsaan.

4. KATEGORI OKU/ LEPASAN INSTITUSI DI BAWAH JKM

- Berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM).

DIREKTORI UNIVERSITI AWAM (UA)

BIL.	NAMA UNIVERSITI AWAM DAN ALAMAT	NO TELEFON
1.	Universiti Malaya (UM) Lembah Pantai,50603 Kuala Lumpur https://aasd.um.edu.my/	Tel: 0379673282
2.	Universiti Sains Malaysia (USM) 11800 Minden,Pulau Pinang https://www.usm.my/ms/	Tel : 046533196
3.	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 43600 Bangi, Selangor https://www.ukm.my/akademik/unit-pengambilan-pelajar/	Tel : 0389118455
4.	Universiti Putra Malaysia (UPM) 43400 Serdang,Selangor https://akademik.upm.edu.my/mengenai_kami-2954?L=bm	Tel : 0397696060
5.	Universiti Teknologi Malaysia (UTM) 81310 Skudai, Johor https://admission.utm.my/contact-us/	Tel : 0197061748
6.	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Jalan Gombak,53100 Gombak, Selangor https://www.iium.edu.my/v2/admissions/	Tel : 0364216421
7.	Universiti Utara Malaysia (UUM) 06010 UUM Sintok, Kedah http://hea.uum.edu.my/	Tel : 049283303

8.	Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) Kota Samarahan,93400 Kuching, Sarawak https://www.bpps.unimas.my/contact-us	Tel : 082581166
9.	Universiti Malaysia Sabah (UMS) 88899 Kota Kinabalu,Sabah https://bpa.ums.edu.my/index.php/ms/home	Tel : 082581166
10.	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Jalan Slim, 35900 Tanjung Malim, Perak https://kemasukan.upsi.edu.my/?page_id=299	Tel : 054507038
11.	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan https://www.usim.edu.my	Tel : 067988000
12.	Universiti Teknologi MARA (UiTM) 40450 Shah Alam,Selangor https://www.uitm.edu.my	Tel : 0355442000
13.	Universiti Malaysia Terengganu (UMT) 21030 Mengabang Telipot,Kuala Terengganu,Terengganu https://www.utm.edu.my	Tel : 096693102
14.	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) 86400 Parit Raja,Batu Pahat,Johor https://www.uthm.edu.my	Tel : 074537000
15.	Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) 76100 Durian Tunggal,Melaka https://www.utm.edu.my	Tel : 065552000

16.	Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) 25500 Kuantan, Pahang https://www.umpsa.edu.my	Tel : 095492501
17.	Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) Bangunan Canselori,Kampus Alam UniMAP Pauh Putra, 02600 Arau, Perlis https://www.unimap.edu.my	Tel : 049798008
18.	Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu https://www.unisza.edu.my	Tel : 096220707
19.	Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Karung Berkunci 36, Pengkalan Chepa, 16100 Kota Bharu, Kelantan https://www.umk.edu.my	Tel : 097717000
20.	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) Kem Sungai Besi, 57000 Kuala Lumpur https://www.upnm.edu.my/	Tel : 0390513400

DIREKTORI JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI (JPPKK)

1.	Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) Aras 4-7, Galeria PJH, Jalan P4 W, Persiaran Perdana, 62100 Putrajaya https://www.mypolycc.edu.my/	Tel : 0388919000
----	--	-------------------------

DIREKTORI MARA BAHAGIAN PENDIDIKAN TINGGI (MARA BPT)

1.	MARA BPT Tingkat 12, Ibu Pejabat MARA,Jalan MARA, 50609 Kuala Lumpur. http://hiedumara.edu.my/	Tel :0326134075
----	---	------------------------

